



# **PELAN ANTI RASUAH**

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN MELAKA**

## **2022-2026**



## MEMECAH RANTAIAN RASUAH

“Surah al-Baqarah : Ayat 188. “Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”

Surah al-Baqarah : Ayat 188



## AMANAT KEPIMPINAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya, Pelan Anti Rasuah Organisasi atau Organizational Anti-Corruption Plan (OACP) 2022 - 2026 yang komprehensif bagi Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Melaka berjaya dihasilkan.

OACP ini merupakan suatu perancangan jabatan ke arah membudayakan integriti dan membanteras rasuah dalam kalangan seluruh warga kerja PTGM. Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2022-2026 di peringkat PTGM merupakan usaha dalam mendukung aspirasi Kerajaan bagi memastikan Malaysia dikenali dengan integritinya dan bukan kerana rasuahnya.

Ia juga adalah sejajar dengan arahan YAB Perdana Menteri, No 1 Tahun 2018 Siri 2 No. 1 Tahun 2019, Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.

Saya percaya OACP PTGM 2022-2026 ini akan dapat membantu PTGM dalam memastikan semua inisiatif yang dirancang dapat dicapai berlandaskan elemen integriti, antirasuah dan tadbir urus yang baik.

“ MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA MENGGAMIT DUNIA”

YB. Datuk Wira Zaidi bin Johari  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka



## PERNYATAAN KOMITMEN

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PTGM 2022-2026 merupakan dasar yang mencerminkan komitmen Jabatan untuk membanteras gejala rasuah dalam penyampaian perkhidmatan.

OACP ini meliputi isu-isu dalaman berkaitan dengan kelemahan integriti, governans dan antirasuah yang harus ditangani secara menyeluruh. PTGM komited dan bertekad untuk memastikan segala inisiatif dalam OACP ini dilaksanakan dengan telus, berakauntabiliti dan berintegriti.

OACP PTGM 2022-2026 ini diharap akan dapat meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan melalui pengurusan dan pentadbiran tanah yang telus dan bersih dalam mencapai Negeri Lestari 2035.

*“ PTGM komited dan bertekad untuk memastikan segala inisiatif dalam OACP ini dilaksanakan dengan telus, berakauntabiliti dan berintegriti .”*

YBhg. Datuk Md Azhan bin Samat

Pengarah Tanah dan Galian Melaka (PTGM)



## RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah PTGM 2022-2026 dibangunkan bagi mendukung hasrat Kerajaan, dalam memastikan isu-isu berkaitan pencegahan rasuah dapat dilaksanakan.

Berdasarkan punca kuasa tersebut, maka lahirah OACP PTGM yang akan diguna pakai sebagai sumber rujukan pentadbiran tanah Negeri Melaka bagi tempoh 2022-2026. Pembangunan strategi dalam pelan ini adalah bagi meningkatkan kualiti dan imej pentadbiran tanah di Negeri Melaka seterusnya, bersama-sama mengekang sebarang anasir rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam urusan pentadbiran tanah Negeri Melaka.



# KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
<b>BAB 1 : PENGENALAN</b>		
1.	LATAR BELAKANG	1
2.	VISI DAN MISI PELAN ANTIRASUAH	2
3.	KEPERLUAN PELAN ANTIRASUAH	3
4.	INISIATIF	4
5.	BIDANG KEUTAMAAN	5
6.	PELAN ANTIRASUAH PTGM 2022-2026	5-11
<b>BAB 2 : MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH</b>		
7.	MEKANISME PELAKSANAAN	12
8.	MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN	13
<b>BAB 3 : KESIMPULAN</b>		14



# BAB 1 : PENGENALAN

## LATAR BELAKANG

### **“Menuju Negeri Lestari”**

PTGM sesungguhnya amat komited dalam usaha memperkukuh integriti serta memantapkan tadbir urus organisasi, agar perkhidmatan pentadbiran tanah serta pengurusan tanah dapat disampaikan dengan lebih teratur dan berkesan.

Pelan ini adalah sebagai satu bukti kesungguhan pentadbiran tanah Negeri Melaka terlibat dalam memperkukuh nilai integriti yang merupakan pemboleh daya dalam mencapai visi dan misi Kerajaan Negeri .

Pelbagai tindakan pencegahan dan pendidikan telah dilaksanakan secara berterusan termasuklah dalam mendukung hasrat Kerajaan Negeri untuk merealisasikan Pelan Antirasuah PTGM 2022-2026 serta pensijilan MS ISO 37001:2016 (*Anti-Bribery Management System*).

Justeru, peranan penting anggota pentadbiran tanah Negeri Melaka amatlah diharapkan dalam memperkukuh integriti dan memantapkan imej pentadbiran tanah Negeri Melaka sentiasa berada pada tahap yang terbaik



## **VISI DAN MISI**

### **PELAN ANTIRASUAH PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN MELAKA 2022 - 2026**

#### **SLOGAN NEGERI MELAKA**

**MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA**

#### **VISI**

**KE ARAH PENTADBIRAN TANAH DAN PENGURUSAN TANAH NEGERI MELAKA  
YANG BERINTEGRITI TINGGI DAN BEBAS RASUAH**

#### **MISI**

**MENINGKATKAN KECEKAPAN, KETELUSAN DAN AKAUNTABILITI ORGANISASI  
BERASASKAN TADBIR URUS TERBAIK**



## KEPERLUAN PELAN ANTIRASUAH

### KEPERLUAN OACP PTGM

Mengembalikan keyakinan rakyat terhadap sistem pentadbiran tanah melalui proses kerja yang efisien dan bebas rasuah

---

Meningkatkan imej pentadbiran tanah negeri Melaka

---

Mengenalpasti ruang-ruang baharu dengan mengkaji semula proses kerja sedia ada dengan mengambil kira modus operandi pihak berkepentingan mengambil kesempatan.



## INISIATIF

IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)

MS ISO 37001 : 2016  
ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM  
(ABMS)

PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH



## BIDANG KEUTAMAAN

i) Perolehan Awam

ii) Pentadbiran Awam

iii) Pentadbiran Tanah



## PELAN ANTIRASUAH PTGM 2022-2026

**BIDANG KEUTAMAAN : PEROLEHAN AWAM**

**STRATEGI 1 : MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN AWAM**

**OBJEKTIF STRATEGIK 1.1 : MENINGKATKAN KECEKAPAN PROSES PEROLEHAN AWAM**

BIL	INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Melaksanakan proses perolehan melalui sistem elektronik secara menyeluruh ( <i>Sistem Tender Online Melaka - STOM</i> ).	Seksyen Khidmat Pengurusan	5 tahun (Jan 2022 – Dis 2026)
2.	Memastikan hanya kontraktor atau pembekal yang dilantik sahaja melaksanakan projek / tender mengikut masa dan spesifikasi yang telah ditetapkan.	Seksyen Khidmat Pengurusan	5 tahun (Jan 2022 – Dis 2026)



**BIDANG KEUTAMAAN : PEROLEHAN AWAM**

**STRATEGI 1 : MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN AWAM**

**OBJEKTIF STRATEGIK 1.2 : MENGURANGKAN RISIKO RASUAH DAN ISU INTEGRITI**

<b>BIL</b>	<b>INISIATIF</b>	<b>PENERAJU / PELAKSANA</b>	<b>TEMPOH MASA</b>
1.	Melaksanakan ketekunan wajar bagi memastikan pegawai berintegriti tinggi ditempatkan di Bahagian Perolehan.	Seksyen Khidmat Pengurusan	5 tahun (Jan 2022 – Dis 2026)
2.	Melaksanakan pusingan kerja bagi jawatan-jawatan sensitif.	Seksyen Khidmat Pengurusan	5 tahun (Jan 2022 – Dis 2026)
3.	Mendapatkan nasihat dan pandangan dari sudut perundangan sekiranya terdapat aduan yang diterima berkaitan kes-kes yang menjurus kepada kesalahan rasuah dalam kalangan kakitangan jabatan.	Seksyen Perundangan	5 tahun (Jan 2022 – Dis 2026)
4.	Mewujudkan platform saluran aduan rasuah yang mesra pengguna.	Seksyen Khidmat Pengurusan	5 tahun (Jan 2022 – Dis 2026)



**BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN AWAM**

**STRATEGI 1 : MEMBUDAYAKAN INTEGRITI DALAM KALANGAN WARGA KERJA**

**OBJEKTIF STRATEGIK 1.1 : MENINGKATKAN INTEGRITI DALAM KALANGAN WARGA KERJA**

BIL	INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Melaksanakan program / kursus peningkatan integriti, tadbir urus dan tatacara perolehan kepada pegawai yang berkaitan.	Seksyen Khidmat Pengurusan	5 tahun (Jan 2022 – Dis 2026)
2.	Melaksanakan sekurang-kurangnya tiga (3) program ABMS setiap tahun.	Seksyen Khidmat Pengurusan	5 tahun (Jan 2022 – Dis 2026)

**BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN AWAM**

**STRATEGI 2 : MEMPERKUKUH KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM**

**OBJEKTIF STRATEGIK 2.1 : MEREKAYASA PERKHIDMATAN AWAM KE ARAH TADBIR URUS BAIK**

BIL	INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Mendapatkan pengiktirafan pensijilan <i>Anti-Bribery Management System (ABMS)</i> MS ISO 37001:2016	Seksyen Khidmat Pengurusan	1 tahun (Jan 2022 – Dis 2022)
2.	Membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).	Seksyen Khidmat Pengurusan	1 tahun (Jan 2022 – Dis 2022)



**BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN TANAH**

**STRATEGI 1 : MEMPERKUKUH KECEKAPAN PENYAMPAIAN PENTADBIRAN TANAH NEGERI MELAKA**

**OBJEKTIF STRATEGIK 1.1 : MENYERAGAM URUSAN PENTADBIRAN TANAH**

BIL	INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Mewujudkan senarai semak bagi urusan urusniaga dan bukan urusniaga di Kaunter Pendaftaran (SPOC).	Seksyen Pendaftaran	1 tahun (Jan 2022 – Dis 2022)
2.	Mewujudkan arahan pentadbiran bagi larangan penyerahan dan penerimaan urusan oleh kakitangan PTG di Kaunter Pendaftaran (SPOC).	Seksyen Pendaftaran	1 tahun (Jan 2022 – Dis 2022)
3.	Menyeragamkan format laporan tanah bagi semua urusan tanah.	Semua Seksyen	5 tahun (Jan 2022 – Dis 2026)

**BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN TANAH**

**STRATEGI 1 : MEMPERKUKUH KECEKAPAN PENYAMPAIAN PENTADBIRAN TANAH NEGERI MELAKA**

**OBJEKTIF STRATEGIK 1.2 : MEMANTAPKAN TADBIR URUS PENTADBIRAN TANAH NEGERI MELAKA**

BIL	INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Melaksanakan tapisan keselamatan bagi permohonan pemilikan hartanah di Negeri Melaka oleh warganegara asing sebelum diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.	Seksyen MMKN	5 tahun (Jan 2022 – Dis 2026)
2.	Memperkukuhkan pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> berkenaan pengendalian dan kawalan permohonan serta pengurusan maklumat rahsia.	Seksyen Pembangunan Tanah	5 tahun (Jan 2022 – Dis 2026)
3.	Melaksanakan semakan di lapangan sebelum kelulusan sijil SiFUS pindaan dikeluarkan oleh Pengarah Tanah dan Galian Melaka.	Seksyen Strata	5 tahun (Jan 2022 – Dis 2026)



**BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN TANAH**

**STRATEGI 2 : MEMPERKASA PENGURUSAN TANAH NEGERI MELAKA**

**OBJEKTIF STRATEGIK 2.1 : MEREKAYASA PENTADBIRAN TANAH NEGERI MELAKA MELALUI PLATFORM PINTAR**

BIL	INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Penggunaan sistem pentadbiran tanah (e-Tanah) secara menyeluruh melibatkan modul-modul utama.	Seksyen Teknologi Maklumat	5 tahun (Jan 2022 – Dis 2026)
2.	Urusan pembayaran di kaunter menggunakan terminal kad debit / kredit.	Seksyen Pendaftaran / Hasil	5 tahun (Jan 2022 – Dis 2026)
3.	Memperkenalkan bil atas talian bagi bil cukai tanah dan cukai petak sedia ada.	Seksyen Hasil	2 tahun (Jan 2023 – Dis 2024)
4.	Memperkenalkan alternatif pembayaran cukai tanah dan cukai petak melalui jomPay, MelakaPay, kaunter pejabat pos dan kaunter Bank Simpanan Nasional.	Seksyen Hasil	1 tahun (Jan 2022 – Dis 2022)
5.	Mewujudkan platform yang responsif melalui <i>helpline whatsapp</i> dan <i>chatbot</i> laman web.	Semua Seksyen	1 tahun (Jan 2022 – Dis 2022)



**BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN TANAH**

**STRATEGI 3 : PENGUKUHAN MEKANISME PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN**

**OBJEKTIF STRATEGIK 3.1 : PENGUATKUASAAN YANG LEBIH EFISIEN**

BIL	INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Mewujudkan manual bagi mekanisme penguatkuasaan tanah.	Seksyen Penguatkuasa & Teknikal	5 tahun (Jan 2022 – Dis 2026)
2.	Mewujudkan mekanisme penyediaan kertas siasatan (IP) yang lengkap supaya pendakwaan di mahkamah berjalan lancar.	Seksyen Penguatkuasa & Teknikal & Seksyen Strata	1 tahun (Jan 2023 – Dis 2023)
3.	Pelaporan maklumat laporan penguatkuasaan yang cepat dan tepat melalui aplikasi pintar.	Seksyen Penguatkuasa & Teknikal	5 tahun (Jan 2022 – Dis 2026)



## BAB 2 : MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

### MEKANISME PELAKSANAAN

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA



PENGARAH TANAH DAN GALIAN MELAKA



UNIT INTEGRITI PTGM



## MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

---

Penglibatan secara menyeluruh daripada Pengurusan Tertinggi, warga kerja, pelanggan dan pihak berkepentingan (*stakeholder*) dapat memastikan pelaksanaan OACP PTGM secara menyeluruh.

Oleh yang demikian, bagi memastikan pelan ini bergerak secara seiring dengan Melaka Anti Corruption Plan (MACP) dan National Anti Corruption Plan (NACP), suatu Jawatankuasa Anti Rasuah PTGM telah ditubuhkan untuk menjalankan fungsi pemantauan.

Dalam mengenal pasti kemajuan dan prestasi pelaksanaan setiap strategi dan inisiatif, semua aktiviti akan sentiasa dipantau dan dinilai berdasarkan mekanisme berikut :

### PEMANTAUAN

Menjelaskan objektif program

---

Memadankan aktiviti dan sumber dengan objektif

---

Menterjemahkan objektif ke dalam indikator prestasi dan sasaran

---

Membandingkan pencapaian sebenar dan sasaran

---

Melaporkan kemajuan kepada pemegang taruh dan memaklumkan sebarang permasalahan bagi tujuan penambahbaikan

### PENILAIAN

Mengenalpasti kekuatan dan kelemahan setiap aktiviti yang terlibat

---

Menilai sama ada aktiviti yang menyokong strategi tersebut berorientasikan matlamat yang ditetapkan

---

Memastikan aktiviti yang dilaksanakan sepertimana yang dirancang

---

Memberikan maklumbalas berdasarkan kepada situasi



## BAB 3 : KESIMPULAN

Pelan Antirasuah PTGM 2022-2026 merupakan satu dokumen “*blue print*” untuk membangun dan mengoptimumkan komitmen Pengurusan Tertinggi dalam menyokong dan mendukung dasar antirasuah kerajaan. Intipati pelan ini mengandungi tindakan yang perlu diambil sebagai menyahut dasar Kerajaan Negeri untuk memastikan Melaka menjadi sebuah negeri bebas daripada rasuah.

Dalam merealisasikan inisiatif ini, PTGM sentiasa komited untuk membangunkan pelan bagi menangani rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Ianya selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Melaka pada hari ini ke arah “Menuju Negeri Lestari”.

Jabatan telah menggariskan 24 inisiatif yang telah dikenal pasti dan perlu diberi perhatian berdasarkan tiga (3) bidang keutamaan berkaitan Perolehan Awam, Pentadbiran Awam dan Pentadbiran Tanah.

Demi memastikan kelestarian OACP ini, pelaksanaan semua inisiatif akan dipantau dan dikaji semula secara berkala. PTGM akan sentiasa peka terhadap perubahan semasa dengan mengambil kira pelbagai saluran maklumat seperti maklum balas, nasihat dan aduan supaya inisiatif yang dirangka akan sentiasa relevan serta terus menjadi panduan sekaligus rujukan kepada semua pihak.